

04/04/2002

Deklarasi Kuala Lumpur bukti keazaman perangi keganasan rejim Yahudi

BERIKUT ialah Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Keganasan Antarabangsa yang diluluskan sebulat suara pada akhir Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan yang berlangsung selama tiga hari berakhir semalam.

1. Atas nama perpaduan Islam, kami Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkumpul di Kuala Lumpur untuk menyatakan keazaman bersama memerangi keganasan dan bertindak terhadap perkembangan yang menjejaskan umat dan negara Islam berikutan serangan 11 September;
2. Kami menimbangkan semula langkah awal yang diluluskan oleh OIC dalam memerangi keganasan antarabangsa, termasuk Kod Tatalaku bagi Memerangi Keganasan Antarabangsa, Konvensyen OIC Dalam Memerangi Keganasan Antarabangsa, yang antara lain memberikan takrifan bagi keganasan dan, Deklarasi Sesi Khas Kesembilan ICFM, serta resolusi OIC dalam memerangi keganasan antarabangsa;
3. Kami juga mengakui akan pentingnya kenyataan pembukaan Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi sebahagian daripada dokumen rasmi sesi khas ini;
4. Kami mengulangi iltizam kami terhadap prinsip dan ajaran sebenar Islam yang membenci kekejaman, menghargai keamanan, tolak ansur dan saling menghormati, serta melarang pembunuhan insan yang tidak berdosa;
5. Kami menolak sebarang cubaan untuk mengaitkan Islam dan umatnya dengan keganasan kerana keganasan tidak ada kaitan dengan mana-mana agama, peradaban atau kewarganegaraan;
6. Kami mengulangi bahawa tindakan pencegahan yang diambil untuk memerangi keganasan tidak harus menggambarkan kumpulan etnik atau agama tertentu atau menasarkankan masyarakat tertentu;
7. Kami tanpa ragu-ragu mengutuk tindakan keganasan antarabangsa dalam apa saja sifat dan bentuk, termasuk keganasan yang dilakukan oleh negara tanpa mengira tujuan, pelakunya dan mangsa kerana keganasan memberi ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa dan ia satu pencabulan hak asasi manusia yang nyata;
8. Kami mengulangi pendirian berprinsip di bawah undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, akan sahnya penentangan terhadap ancaman luar dan perjuangan rakyat di bawah penjajahan atau penguasaan asing dan penaklukan asing bagi mencapai kemerdekaan dan menentukan sendiri masa depan mereka. Dalam konteks ini, kami menggariskan betapa perlunya satu takrifan antarabangsa mengenai keganasan disegerakan yang membezakan di antara perjuangan sah dan tindakan keganasan;
9. Kami juga menggariskan betapa perlunya undang-undang kemanusiaan yang melindungi orang awam dihormati;
10. Kami menolak sebarang cubaan untuk mengaitkan keganasan dengan perjuangan rakyat Palestin dalam melaksanakan hak mutlak mereka mewujudkan sebuah negara merdeka dengan Al-Quds Al-Sharif (Baitulmaqdis) sebagai ibu negaranya;
11. Kami menolak sebarang cubaan mengaitkan negara Islam atau penentangan penduduk Palestin dan Lubnan terhadap keganasan kerana ia menghalang perjuangan sejagat menentang keganasan;
12. Kami mengutuk Israel kerana meningkatkan kempen ketenteraan terhadap penduduk Palestin, termasuk kekejaman dan keganasan harian terhadap orang awam, menyebabkan bilangan yang terbunuh terus meningkat, menjerut ekonomi

Palestin dan pemusnahan bersistematik dan sewenang-wenangnya rumah dan kemudahan tempat tinggal, institusi dan struktur Pihak Berkuasa Kebangsaan Palestin;

13. Kami menekankan akan pentingnya menangani punca utama keganasan antarabangsa, dan yakin bahawa peperangan terhadap keganasan tidak akan berjaya jika persekitaran yang menggalakkan keganasan seperti penaklukan asing, ketidakadilan dan pengasingan dibenarkan berleluasa;

14. Kami mengesahkan semula komitmen kami terhadap tindakan antarabangsa dalam memerangi keganasan antarabangsa yang dilaksanakan menurut prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman dan menghormati kedaulatan dan integriti wilayah, serta undang-undang antarabangsa dan konvensyen dan instrumen antarabangsa berkenaan;

15. Kami menolak sebarang tindakan yang diambil terhadap mana-mana negara Islam atas alasan memerangi keganasan antarabangsa, kerana ini akan menjejaskan kerjasama sejagat dalam memerangi keganasan;

16. Kami mengulangi seruan supaya diadakan satu persidangan antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk merumuskan satu tindak balas bersama masyarakat antarabangsa terhadap segala bentuk keganasan;

17. Kami dengan itu mengulangi iltizam kami terhadap tindakan di peringkat kebangsaan dan menerusi kerjasama peringkat antarabangsa dalam memerangi keganasan dan bersetuju dengan pelan tindakan seperti berikut:

Pelan Tindakan itu membabitkan penubuhan jawatankuasa 13 anggota peringkat Menteri OIC mengenai Keganasan Antarabangsa dengan mandat merumuskan cadangan seperti berikut:

- * Memperkukuhkan kerja sama dan penyelarasan OIC dalam memerangi keganasan antarabangsa dan mempercepatkan pelaksanaan Kod Tatalaku OIC dan Konvensyen Bagi Memerangi Keganasan Antarabangsa.

- * Menampilkan imej sebenar Islam melalui seminar dan bengkel untuk menggalakkan kefahaman lebih baik mengenai Islam.

- * Memperkukuhkan persefahaman di antara peradaban, kebudayaan dan kepercayaan berbeza meneruskan inisiatif Dialog Antara Tamadun PBB dan Forum Bersama OIC-EU mengenai keharmonian dan peradaban;

- * langkah lain sejajar Piagam OIC serta resolusi persidangan OIC dan ICFM diambil sebagai tindak balas terhadap perkembangan yang menjejaskan Islam dan umatnya berikutan tindakan memerangi keganasan.

Tindakan lain adalah seperti berikut:

- * mengkaji usaha pertubuhan antarabangsa lain dalam hal berkaitan keganasan antarabangsa serta membantu Kumpulan OIC di New York dalam hal berkaitan keganasan antarabangsa.

- * Berusaha memulakan Konvensyen Menyeluruh Mengenai Keganasan Antarabangsa.

- * Berusaha mencapai takrifan antarabangsa bagi keganasan dan tindakan penganas yang membezakan perjuangan sah dan kebangkitan rakyat untuk kemerdekaan daripada penjajahan, penguasaan serta pendudukan asing untuk dimasukkan ke dalam deraf Konvensyen Menyeluruh Mengenai Keganasan Antarabangsa.

- * Berusaha mempercepatkan persidangan antarabangsa di bawah naungan PBB bagi merumuskan satu tindak balas masyarakat antarabangsa terhadap segala bentuk keganasan.

- * Mengambil pendirian bersama mempertahankan perjuangan rakyat mencapai kemerdekaan di forum antarabangsa.

- * Berusaha melalui Majlis Keselamatan PBB dan secara langsung bersama negara lain bagi menamatkan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin, menyediakan perlindungan antarabangsa kepada mereka serta mencari penyelesaian saksama, menyeluruh dan berkeadilan bagi konflik Asia Barat

berdasarkan kepada Resolusi UNSC 242, 338 dan 425, Resolusi 194 UNGA dan prinsip pertukaran tanah bagi keamanan.

* Akan berbuat apa saja bagi memastikan kejayaan Inisiatif Keamanan Arab yang diluluskan oleh Sidang Kemuncak Arab ke 14 di Beirut pada 28 Mac 2002 selain terus menghulurkan sokongan politik, kebendaan l dan moral kepada rakyat Palestin.

* Bekerjasama dengan negara lain dan menyokong usaha masyarakat antarabangsa dalam memerangi keganasan antarabangsa di bawah naungan PBB, termasuk melaksanakan resolusi PBB, khususnya Resolusi UNSC 1373, dan mempercepatkan penerimaan konvensyen dan protokol antarabangsa bagi menangani keganasan.

* Berusaha menggalakkan regim keselamatan bersama sejajar keperluan keselamatan dan pembangunan semua negara serta persekitaran politik dan sosio-ekonomi yang kondusif yang akan mengekang aktiviti pengganas dan membasmi punca keganasan.

* Melaksanakan dasar dan strategi bagi meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran umat Islam serta menangani faktor domestik yang menyumbangkan kepada keganasan.

(END)